

# Inspirasi klasik

» Koleksi Feraud berpaksi gaya kota cinta Paris



Oleh Fairuz Zaidan  
fairuzaidan@bharian.com.my

**P**esona gaya klasik tetap memikat walaupun dalam persekitaran moden yang mencabar. Sentuhan klasik dengan rekaan dan perincian memperlihatkan karisma dan identiti pemakai yang sejati.

Memberi tumpuan dalam penataan imej khusus jejaka, jenama fesyen dari Paris, Feraud melancarkan koleksi terbaru bertemakan Klasik Abadi.

Koleksi terbaru yang difokuskan buat golongan profesional itu memberi tumpuan untuk gaya yang memberi inspirasi sambil menitikberatkan aspek kualiti dan gaya.

#### Klasik tipikal

Seiring paksi fesyen Paris yang mengganggu cita rasa klasik, Feraud juga sarat dengan identiti klasik yang tipikal sebagai sebahagian daripada pesona perincian yang bernilai universal.

Palet warna yang ditekankan bagi koleksi kali ini tertumpu pada rona putih, kelabu, biru dan hitam sambil Feraud juga berani untuk mengetengahkan rona merah romantis dan ungu untuk menyuntik sedikit kesegaran pada rekaan pakaian.

Bahan pakaian seperti kapas segar dan premium seperti sutera memasti-

kan keselesaan dalam pemakaian.

Palet warna koleksi ini dikuasai oleh warna putih, kelabu, biru, dan hitam menyerlahkan oleh merah romantis ungu dan berani, manakala berbeza dalam bahan-bahan seperti kapas yang segar dan kapas premium dengan kemasan seperti sutera untuk menjaga perkara-perkara yang segar dan bergaya.

Rekaan klasik kemeja putih menampilkan tema kontemporari di mana bahagian kolar dan saku memaparkan sentuhan prestij pemakai, manakala potongan seluar nipis memastikan keperluan cita rasa jejaka masa kini. Rona jalur dengan padanan warna kontras lain menyemarakkan gaya klasik jejaka.

#### Gaya lebih berani

Bagi segmen gaya kasual, koleksi musim ini turut menonjolkan baju lengan panjang dengan jalur yang tidak seragam untuk jejaka yang inginkan gaya lebih berani.

Sama ada gaya rasmi ataupun kasual, sentuhan rekaan Feraud yang turut mengeluarkan aksesori seperti tali pinggang dan blazer memastikan penataan persalinan dari hujung rambut ke hujung kaki benar-benar mempesonakan. Rekaan bermutu Feraud bermula daripada RM89.90 ke RM799.90 di Outfitters Studio dan gedung terkemuka seluruh negara.

